

PILU HATI TAK TERKATA

Ekhwan Haque Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Serian

T lada kata yang dapat diungkap ibu dan bapa kepada dua beradik yang maut akibat wabak rabies di Kampung Paon Rimu Bakung, di sini, selepas kehilangan insan tersayang, petang kelmarin.

Wajah sugul sambil sesekali mengesat air mata menzahirkan kesedihan Mazlan Pujan, 36, dan isterinya, Elisa John, 37, yang masih terkejut dengan kehilangan anak keenam-pat dan kelima pasangan itu.

Suasana suram masih menyelubungi kediaman pasangan itu selepas anak mereka, Monica, 6, dan Jackson, 4, menjadi mangsa pertama wabak virus rabies di negeri ini.

Kanak-kanak itu meninggal dunia di Hospital Umum Sarawak (HUS) akibat sel otak yang mati selain hanya bergantung kepada alat bantuan pernafasan.

Kira-kira jam 10 pagi semalam, mayat kanak-kanak terbabit selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Kristian Kampung Paon Rimu Bakung, di sini.

Kedua-dua mereka dipercaya digigit anjing Mei lalu, namun tidak mendapatkan vak-



sin sebelum keadaan kesihatan menjadi kritis dan dihantar ke HUS dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Ketua Kampung Paon Rimu Bakung Stephen Empudot, 70, berkata, kejadian itu kali pertama berlaku di kampung berkenaan dan menjadi iga-un ngeri kepada penduduk.

Menurutnya, tiada siapa yang menyangka anjing yang dibela kebanyakannya penduduk kini berisiko akibat penularan virus rabies sehingga meragut nyawa.

"Kami tidak sangka virus rabies boleh meragut nyawa.

Setakat ini, kami masih lagi berjaga-jaga kerana kawasan ini belum pulih sepenuhnya.

"Memang penduduk kampung sedar beberapa anjing ber-

“ Kami tidak sangka virus rabies boleh meragut nyawa. Setakat ini, kami masih berjaga-jaga kerana kawasan ini belum pulih sepenuhnya”

Stephen Empudot

kelakuan pelik dan bertukar menjadi ganas sehingga menyergap kami dengan menggigit tanpa sebab,” katanya ketika ditemui, semalam.

Stephen berkata, bimbang anjing akan bertindak lebih ganas dan terus mencederakan sesiapa saja, ada penduduk terpaksa membunuh haiwan itu.

Penduduk berterima kasih kepada kerajaan negeri dan agensi terbabit atas tindakan pantas memberi suntikan vaksin kepada anjing dan kucing serta penduduk.

"Saya menyeru penduduk yang mempunyai anjing dan kucing memberi kerjasama kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang datang untuk menyuntik vaksin," katanya.



TIMBALAN Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas (kanan) berbual dengan bapa mangsa, Mazlan (kiri) ketika menziarahi keluarga mangsa.



EGAWAI Jabatan Veterinar Sarawak menjalankan vaksinasi terhadap kucing dan anjing milik penduduk Kampung Lebor, edong.